



MOU antara UMS dan wakil industri yang turut dilancarkan pada majlis itu.

# 367 hasil penyelidikan dan inovasi dalam Pereka 2013

► Melibatkan penyertaan 215 untuk kategori penyelidikan dan 152 bagi produk inovasi

UB 18.9.13 B3  
Oleh SITI AISYAH NARUDIN  
aisyahub@gmail.com

**S**EBANYAK 367 hasil penyelidikan dalam bentuk dapatan kajian, produk baru, prototaip, dan teknologi dipertandingkan sempena Pameran dan Pertandingan Penyelidikan dan Rekacipta (Pereka)

2013 anjuran Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Dianjurkan buat kali keenam tahun ini, Pereka 2013 melibatkan penyertaan sebanyak 215 untuk kategori penyelidikan dan 152 bagi produk inovasi.

Daripada jumlah berkenaan, sebanyak 53 penyertaan memperolehi pingat emas termasuklah 11 dari penyelidikan dan 42 untuk inovasi.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd

“Usaha yang dijalankan ini selaras dengan hasrat memperkasa hasil penyelidikan melalui pengkomersilan dan penjanaan pendapatan kepada universiti. Di samping itu, kepentingan harta intelek (IP) turut diambil kira sebagai medium baharu penjanaan ekonomi dan penentu daya saing negara di peringkat antarabangsa.”

#### DATUK KAMARLIN OMBI

Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar

Harun Abdullah berkata, penghasilan produk penyelidikan yang mempunyai nilai komersil akan diberi keutamaan.

Ini kerana katanya, nilai komersil menjadi kriteria penting dalam justifikasi pemberian geran penyelidikan.

Selain itu jelasnya, potensi komersil dan nilai sosioekonomi turut menjadi kriteria penting

untuk pemenang dalam Pereka.

“Usaha yang dijalankan ini selaras dengan hasrat memperkasa hasil penyelidikan melalui pengkomersilan dan penjanaan pendapatan kepada universiti.

“Di samping itu, kepentingan harta intelek (IP) turut diambil kira sebagai medium baharu penjanaan ekonomi



KAMARLIN menyampaikan hadiah kepada pemenang pingat emas kategori inovasi, Dr. Julian Ransangan (kiri) sambil dieprhatikan oleh Harun (tengah).



KAPPAKRUNCH produk hasil ciptaan Dr. Patricia Matanjun yang memenangi pingat emas kategori inovasi.

dan penentu daya saing negara di peringkat antarabangsa,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penutupan Pereka 2013 di Dewan Kuliah Pusat (DKP) 2, UMS Jumaat lepas. Majlis berkenaan dirasmikan oleh Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Datuk Kamarlin Ombi.

Menurutnya, UMS menerusi sokongan kerajaan akan meneruskan usaha penyelidikan dengan penerokaan bidang-bidang utama.

Tambahnya, menjadi tanggungjawab pengurusan UMS dalam memastikan hasrat memakmurkan negara melalui pembangunan penyelidikan dan teknologi tinggi tercapai.

“Melalui keprihatinan kerajaan dengan memberikan geran penyelidikan serta bantuan sokongan, kami percaya

hasrat berkenaan dapat dijayakan.

“Kelebihan bentuk sumber asli, budaya dan etnik, kekayaan biodiversiti kedudukan geografi dan keunikan demografi menyediakan platform yang baik untuk para penyelidik dan ahli akademik UMS terus menyumbang daya kreativiti masing-masing.

“Sehubungan itu, saya menyeru kepada para penyelidik supaya memberi tumpuan kepada bidang-bidang strategik yang mempunyai nilai tambah dan sumbangan besar kepada pembangunan negara,” jelasnya.

Sementara itu, Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPI) UMS, Prof. Dr. Felix Tongkul berkata, produk dan teknologi yang dipertandingkan dalam Pereka 2013 diadili oleh pakar penilai yang dilantik dari sekor akademik dan wakil industri.

Menurutnya, penilaian produk berdasarkan kepada potensi yang memenuhi keperluan industri, menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan menyelesaikan masalah semasa.

“Ia merangkumi sembilan kategori yang mewakili bidang-bidang utama hala tuju negara seperti perubatan, kejuruteraan, pertanian, pendidikan, dan ekonomi,” katanya.

Felix berharap, menerusi penganjuran Pereka 2013, ia membantu menghasilkan lebih banyak Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) yang berpotensi diketengahkan kepada masyarakat.

Jelasnya, dengan adanya usaha seumpama itu, UMS akan terus berkembang dan melangkah gigih memperkasakan aktiviti penyelidikan dan penghasilan teknologi baru.